

## KONGSI KESEMBERAN AIDILFITRI BERSAMA ANAK YATIM

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**KIULAP**, Sabtu, 12 Jun. - Bulan Syawal terus dimeriahkan dengan majlis-majlis Sambutan Hari Raya oleh pelbagai pihak di negara ini yang setentunya dihasratkan untuk menjalin hubungan silaturahmi yang kukuh di samping peluang untuk bermaaf-maafan.

Dalam kegemilangan kita menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama ahli keluarga yang tercinta, anak-anak yatim juga jangan pernah dilupakan untuk berkongsi kegembiraan

sambutan ini.

Sehubungan itu, Majlis Perundangan Kampung Panchor, Mentiri melalui kolaborasi Biro Perekonomian dan Biro Wanita baru-baru ini menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Anak-Anak Yatim Bagi Tahun 1442H / 2021M diadakan bertempat di Eventspace, Bangunan Han Mau Yong, Kampung Kiulap, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

Juga hadir Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mentiri, Awang Helmy bin Haji Ahmad, Timbalan Pengerusi MPK RPN Kampung Panchor, Mentiri, Haji Awang Md. Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MPK, Ketua-ketua Biro serta anak-anak yatim yang diraikan.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sumbangan untuk anak-anak yatim yang bermastautin di kawasan RPN



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (tengah) ketika menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada salah seorang penerima.

Kampung Panchor, Mentiri.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini bertujuan untuk meraikan dan menceriakan suasana Hari Raya Aidilfitri bersama anak-anak yatim di samping untuk mengeratkan lagi

hubungan silaturahmi dalam kalangan Ahli-ahli Majlis Perundangan Kampung.

Acara ini juga merupakan salah satu aktiviti kalendar tahunan MPK Panchor, Mentiri sejak mula ia diadakan pada tahun 2017.



**SEBAHAGIAN** daripada anak yatim yang diraikan.

## Pengambilan pelajar baharu Tahun 7 ITQSHHB

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 12 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sukacita memaklumkan bahawa Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) sedang membukakan tawaran pengambilan pelajar baharu (peringkat menengah Tahun 7) di institut berkenaan bagi Sesi 1443 Hijrah / 2022 Masihi bermula pada 14 Jun 2021 hingga 11 Ogos 2021.

Pemohon-pemohon yang ingin mengikuti pengajian di institut berkenaan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut, iaitu pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap dan bagi yang bukan rakyat (ibu / bapa yang bertugas di Jabatan Kerajaan atau Government Linked Companies di Negara Brunei Darussalam), boleh juga memohon dengan menghadapkan surat permohonan khas kepada Lembaga ITQSHHB melalui Pengetua Institut.

Seterusnya, umur tidak melebihi 14 tahun pada 1 Januari 2022 atau berada dalam Tahun 6 pengajian di Sekolah-Sekolah Kerajaan atau Swasta pada tahun 2021; lulus dengan memperoleh pangkat 'C' dalam semua mata pelajaran bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah

(PSR) atau yang setaraf dengannya dan lulus temu duga hafazan Al-Quran yang dijalankan di ITQSHHB.

Selain itu, berkesanggupan tinggal di asrama sepanjang tempoh pengajian dan mematuhi peraturan-peraturan ITQSHHB serta penerimaan pelajar tertakluk kepada keputusan Lembaga ITQSHHB.

Borang-borang bolehlah diperolehi di Pejabat Pentadbiran ITQSHHB bermula 14 Jun 2021 atau dimuat turun melalui Laman Sesawang KHEU iaitu [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).

Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Pejabat ITQSHHB bermula 2 Ogos 2021 dan tidak lewat 11 Ogos 2021 semasa waktu pejabat, iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan jam 2.00 petang hingga 4.00 petang ke alamat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Simpang 175, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA2112, Negara Brunei Darussalam.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi melalui nombor telefon +673 2222090 / +673 2222093 / +673 2222096 sambungan 206, 230 dan 234. Borang-borang hendaklah dihantar tanpa menunggu keputusan PSR dan salinan keputusan bolehlah dihantar ke ITQSHHB sebaik sahaja keputusan diumumkan.

## Beri kefahaman mengenai ilmu Takhrij al-Hadith



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 12 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH), UNISSA menganjurkan Kursus Intensif Ilmu Hadith Siri Pertama 'Semak Sebelum Sebar' selama satu hari.

Kursus ini disampaikan oleh, Penolong Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Dekan Fakulti

Usuluddin, UNISSA, Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Seramai 37 peserta menghadiri kursus berkenaan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian, warga UNISSA dan orang persendirian.

Kursus yang dijalankan selama satu hari ini bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai ilmu Takhrij al-Hadith dan kepentingannya, memberi

kefahaman dalam menggunakan cara-cara atau teknik khusus untuk mengeluarkan hadis melalui sumbernya yang asli dan memberi pengetahuan luas mengenai kitab-kitab rujukan hadis dan metodologi penulisannya.

Selain itu, meningkatkan kemahiran dalam berinteraksi dengan kitab-kitab Turath dalam pelbagai kategori, iaitu tidak terhad dengan kitab berkaitan hadis dan juga memberi pengetahuan asas dalam menghukum hadis.



**PENOLONG** Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Dekan Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu semasa menyampaikan Kursus Intensif Ilmu Hadith Siri Pertama 'Semak Sebelum Sebar' yang dihadiri oleh seramai 37 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian, warga UNISSA dan orang persendirian (atas sekali dan atas).